



DRAF UCAPAN

YANG HORMAT DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN PERANTISISWA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TARIKH:

27 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

MASA:

10.30 PAGI

TEMPAT:

**DEWAN BESAR
PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM KELUARGA MALAYSIA.**

TERIMA KASIH SAUDARA/I PENGACARA MAJLIS.

<SALUTION>

Rujuk helaian Salutations

Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir seluruh Alam, Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala Rasul, pembawa rahmat seluruh alam.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran kehadiran illahi kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh barakah ini bersempena **Majlis Penyerahan Peranti Siswa Universiti Putra Malaysia**. Semoga pertemuan kita pada pagi ini sentiasa dalam limpahan rahmat dan keberkatan daripada Yang Maha Esa.
2. Saya mewakili Pengurusan Universiti, mengambil kesempatan untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Deepavali** kepada seluruh warga UPM yang beragama Hindu. Semoga pesta cahaya yang diraikan, akan menerangi jalur perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa namun teguh sepakat, menyimpulkan ikatan kebersamaan sebagai satu Keluarga Malaysia yang saling menghormati satu dengan yang lain.
3. Pada kesempatan ini juga, saya dan seluruh warga UPM menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang – Undang)** atas kesudian hadir ke Universiti Putra Malaysia (UPM). Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato Sri, dapat menyuntik semangat para pelajar dalam melagang kecemerlangan dalam bidang pengajian yang mereka ceburi.

4. Dalam mewujudkan eko-sistem yang lestari, pelbagai usaha perlu bagi membentuk perpaduan dan transformasi UPM. Ia menuntut kesiapsiagaan setiap warga UPM untuk bersama-sama memikul amanah dalam mempertingkatkan legasi kecemerlangan yang dirakam menerusi moto UPM iaitu, “Berilmu Berbakti”. Dengan menjadikan ilmu sebagai tunggak segala usaha dan amal kita, universiti akan dapat melaksanakan tujuan penubuhannya, iaitu untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Sumbangan UPM yang berpaksikan tiga aspek penting yang mendasari penubuhannya, iaitu “Pertanian, Inovasi, dan Kehidupan” akan menyerlahkan peranan UPM sebagai **Menara Ilmu**.

5. Peranan UPM dalam menjana sumber modal insan kelas pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat, akan terus diperkukuh menerusi lima matlamat utama Pelan Strategik UPM 2021-2025, iaitu mempertingkatkan kualiti dan daya saing graduan, menjanakan nilai melalui *Research, Development, Commercialization and Enterprising Ecosystems* (RDCE) yang mantap dan lestari, melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat, memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian dan mempertingkat kualiti tadbir urus.

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

6. UPM pada masa ini mempunyai lebih daripada 16,000 pelajar tempatan dan lebih 5000 pelajar antarabangsa dari 80 buah negara yang pastinya mempunyai pelbagai latar belakang termasuk perbezaan agama, bangsa, komuniti, etnik, budaya dan bahasa. Kepelbagaian ini menzahirkan pandangan, ideologi, minat dan perspektif yang berbeza-beza. Hal ini sekali gus memperkayakan pengalaman pelajar sepanjang berada di kampus UPM serta memperkukuh perpaduan yang merentasi sempadan negara.

7. Pada pandangan saya, apabila pelajar berupaya menerima perbezaan dan meraikan kepelbagaian, ia akan menjadikan pelajar lebih memahami tentang diri sendiri, dan juga memahami tentang orang lain yang mempunyai perbezaan dengan diri kita selaras dengan mendukung semangat Keluarga Malaysia. Justeru, saya menyeru supaya para pelajar memanfaatkan kepelbagaian ekosistem di UPM ini untuk bersama-sama mengenali antara satu sama lain, membina jaringan persahabatan dengan rakan pelajar antarabangsa dan tempatan, merapatkan jurang perbezaan dan bersama-sama mengekalkan serta memelihara suasana harmoni dan aman damai di kampus hijau ini. Perpaduan ini dapat diperkukuhkan apabila persoalan berkaitan kebajikan diberikan keutamaan.

8. Memetik kata-kata Benjamin Disraeli, Mantan Perdana Menteri United Kingdom "*Power has only one duty – to secure the social welfare of the people*". Kebajikan sentiasa menjadi antara tunjang utama dalam memastikan universiti melangkah maju. Melalui kebajikan yang rapi, nescaya para pelajar akan memperoleh kesan

positif hasil daripada limpahan kebajikan yang sentiasa dititikberatkan.

9. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, hasil usaha UPM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar serta beberapa entiti lain seperti Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Pusat Perhubungan Alumni, Kolej-Kolej Kediaman pelbagai usaha dan inisiatif kebajikan telah salurkan kepada para pelajar. Ini sebahagian daripada keprihatinan dan solidariti warga UPM dalam menggalas tanggungjawab secara bersama untuk mencari jalan keluar bagi membantu mereka yang memerlukan. Walaupun bantuan yang diberikan kecil, namun besar maknanya kepada mereka yang memerlukan.
10. Pihak Pengurusan Universiti juga sentiasa memberi keutamaan terhadap kebajikan warganya. Ini diterjemahkan menerusi Inisiatif Putra Cakna yang ditumpukan untuk membantu warga UPM yang terkesan akibat Covid-19. Selain itu, pelbagai inisiatif lain diwujudkan oleh pihak Universiti menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) antaranya, Bantuan Sara Diri, Perubatan, Khairat Kematian dan Tabung Perlindungan Pelajar UPM.

Yang Berhormat Menteri dan para hadirin sekalian,

11. Bagi sesi 2021/2022, UPM memiliki hampir 11 ribu pelajar dalam kelompok B40 manakala seramai 6028 bagi kelompok M40/T20.

Jumlah pelajar yang besar ini, menuntut pelbagai usaha yang berkaitan terutama dalam memastikan para pelajar mendapat makanan yang mencukupi amat penting. Bagi maksud ini, *Food Bank* Siswa UPM dan *Putra Voucher* merupakan inisiatif dalam bentuk makanan yang dilakukan oleh UPM kepada kelompok asnaf dan mereka yang memerlukan.

12. Di samping itu, pihak kerajaan juga telah memperkenalkan Inisiatif Bakul Makanan Siswa Keluarga Malaysia bernilai RM3.50 dan juga Pasukan Pemantau KPT untuk Kos Sara Hidup Siswa (KPT Pantau) bagi memantau kenaikan harga dan kos barangan serta perkhidmatan membabitkan sara hidup siswa di IPT. Segala usaha yang dilakukan kerajaan ini sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam membantu pelajar untuk memperoleh keperluan asas bagi kelangsungan kehidupan di kampus. Terima kasih kepada pihak kerajaan atas segala usaha yang telah diberikan.
13. Selain itu, pihak kerajaan melalui KPT telah melaksanakan pemerkasaan Inisiatif *Food Bank* Siswa menerusi penubuhan Hab *Food Bank* Siswa yang akan berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan barang keperluan siswa. Sekali lagi ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangsih yang diberikan oleh pihak kerajaan.
14. Usaha dan keprihatinan kerajaan tidak terhenti kepada bantuan asas tetapi turut mencakupi keperluan PdP. Kini **Inisiatif Peranti Siswa Keluarga Malaysia** pula diperkenalkan. Ini merupakan satu inisiatif

untuk menyediakan peranti kepada mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang berada dalam kelompok keluarga B40 bagi memastikan proses pengajian para mahasiswa terus terpelihara. Saya yakin dan percaya sumbangan peranti ini akan memberikan kelegaan kepada para pelajar yang sangat memerlukan medium pembelajaran secara lebih efektif.

15. Pada kesempatan ini, sedalam-dalam ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Belanjawan 2022 akhirnya inisiatif ini dapat direalisasikan. Semoga usaha murni dan hasrat baik pihak kerajaan dalam membantu para pelajar akan melonjakkan semangat para pelajar untuk kembali menyumbang kepada alma mater apabila mereka telah menjadi alumni nanti.
16. Untuk makluman Yang Berhormat Dato Seri, bagi proses penyerahan Peranti Siswa ini, pihak UPM membangunkan aplikasi pintar **Smart Putra®Presence** yang dapat merekod, mengesahkan dan melaporkan statistik secara terus penerima-penerima peranti siswa berasaskan persekitaran telefon pintar yang dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti UPM-ID.
17. Pesanan saya kepada para penerima peranti pada majlis hari ini, supaya mereka dapat meningkatkan nilai kemahiran digital atau kemahiran teknologi maklumat. Hal ini sejajar dengan tuntutan global

serta cabaran tanpa sempadan, *skill* digital yang holistik mampu muncul sebagai faktor utama menyumbang nilai seseorang pelajar dan graduan yang kompeten melalui inisiatif ini.

18. Justeru, saya sangat berharap dan menggalakkan semua pelajar yang mendapat peluang melalui inisiatif ini supaya menggunakan peluang semaksimum yang mungkin bagi meningkatkan potensi diri, iaitu pembangunan daya fikir, bakat dan pengalaman yang tidak hanya terbatas dalam disiplin akademik semata-mata.

Yang Berhormat Menteri dan para hadirin sekalian,

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin berpesan kepada mahasiswa agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan menterjemah semangat al-Falah untuk disebatkan menerusi jiwa “Berilmu Berbakti” dalam setiap tindakan mereka. Semangat berintegriti, dan memiliki nilai profesionalisme yang tinggi demi kecemerlangan masyarakat dan Negara merupakan suatu tuntutan yang sewajarnya dijalin kemas untuk kelangsungan masa depan UPM yang gemilang.
20. Pengakhir bicara, sekalung penghargaan dan apresiasi saya kepada **Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar** atas kesediaan hadir ke **Majlis Penyerahan Peranti Siswa Universiti Putra Malaysia**. Semoga kita sederap melangkah menuju al-Falah iaitu kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat dalam memajukan UPM sebagai menara ilmu yang memberikan manfaat

kepada masyarakat. Semoga Allah SWT merahmati dan memberkati segala usaha murni kita.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**YH. DATO' PROF. DR. MOHD. ROSLAN BIN SULAIMAN
NAIB CANSEOR
27 OKTOBER 2022**